

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
JABATAN LAUT								
1	Penubuhan <i>Maritime and Port Authority Advisory Committee (MPA ADVComm)</i>	✓			<ul style="list-style-type: none"> • Bagi memberikan khidmat nasihat kepada Kementerian Perhubungan mengenai dengan penubuhan MPA • Menyelesaikan isu-isu yang timbul dalam penubuhan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan yang dijangka akan mula berkuatkuasa sebelum penghujung tahun ini. 	Penubuhan badan penasihat Maritime and Port Authority Committee (MPA ADVComm) adalah atas nasihat Yang Berhormat Menteri Perhubungan demi memastikan peralihan Jabatan Laut dan sebahagian Jabatan Pelabuhan, serta perundangannya untuk menjadi salah satu badan berkanun yang dikenali sebagai Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan (Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam) Antara lain tujuannya adalah bagi memberikan khidmat nasihat kepada Kementerian Perhubungan mengenai dengan penubuhan MPA	CABARAN Wakil yang dihantar bagi mewakili sebahagian Kementerian/Jabatan adalah mereka yang kurang pengetahuan dalam penubuhan badan berkanun. Justeru itu, sebahagian isu hanya timbul di hujung fasa penubuhan, yang mana ini memberi impak dalam proses penubuhan badan berkanun.	
JABATAN PERKHIDMATAN POS								
2	Pengurusan Ke Rumah-Rumah (door to Door Delivery)		✓		Door to door delivery - 100%	Barang - barang pos paket kecil, bungkus, EMS, berdaftar, yang tidak ditahan kastam dan telah diserahkan mengikut alamat.	CABARAN <ul style="list-style-type: none"> • Public Complaint • Tenaga Kerja tidak mencukupi TINDAKAN SUSULAN <ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan 	
JABATAN KAJICUACA								
3	Pengemaskinian Aplikasi Bimbit Brunei Wx		✓		Tujuan pengemaskinian adalah bagi memberikan khidmat yang lebih user-friendly, agar aplikasi bimbit in mudah difahami dan selaras dengan imej korporat Jabatan	Aplikasi bimbit Brunei Wx ni dapat memberikan khidmat kepada orang awam dan mana-mana pihak kerajaan dalam menyampaikan maklumat cuaca harian yang cepat dan terus melalui alat bimbit secara peribadi ada bila-bila masa oleh yang memerlukannya. Melaluinya aplikasi ini dapat membantu orang awam, agensi-agensi kerajaan dan swasta bagi mendapatkan ramalan dan amaran cuaca bagi persediaan awal menghadapi cuaca buruk. Jabatan telah melaksanakan pengemaskinian aplikasi bimbit Brunei wx dengan penambahan ciri-ciri baru iaitu 6 bahagian - Ramalan hai ini (6-part today's forecast), Nasihat cuaca (<i>weather advisory</i>), ramalan dan amaran bagi perairan Brunei (<i>forecast and warning for Brunei waters</i>), Imej Radar dan animasi, berita dan maklumat, peningkatan UI.	CABARAN Pengubahsuaian data-data dalam <i>content management system</i> bagi penghantaran maklumat cuaca kedalam aplikasi Brunei WX. Memandangkan terdapat beberapa maklumat yang tidak dapat di translate ke dalam graph TINDAKAN SUSULAN Mengubah cara penghantaran data supaya senang di translate menjadi graph	Jumlah downloads adalah 37000 bagi versi lama
4	Promosi Video Kod Amaran Cuaca Berwarna		✓		Tujuan promosi video ini dilaksanakan adalah untuk memberi panduan dan kefahaman kepada orang ramai mengenai kod amaran cuaca berwarna yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajucauca Brunei Darussalam dengan lebih berkesan melalui rangkaian RTB dan laman-laman media sosial	Jabatan Kajucauca Brunei Darussalam menggunakan Kod Amaran Cuaca berwarna dan nasihat cuaca untuk memberi amaran awal kepada orang ramai dan agensi-agensi berkenaan mengenai keadaan cuaca ekstrim yang berpotensi untuk memberi ancaman besar kepada nyawa, mengakibatkan kerosakan harta benda, dan memberi gangguan serius kepada aktiviti harian orang awam. Sehubungan itu, adalah penting bagi orang awam untuk memahami kesan bencana yang berpotensi berlaku sebaliknya setiap kod amaran cuaca berwarna yang dikeluarkan oleh Jabatan ini. Promosi video ini memberi panduan kepada orang awam mengenai setiap peringkat kod amaran cuaca berwarna, termasuk langkah-langkah yang perlu diambil semasa berlakunya cuaca buruk. Promosi video kod amaran cuaca berwarna akan disiarkan oleh rangkaian RTB serta dimuat turun di laman-laman media sosial supaya maklumat penting ini akan sampai kepada orang ramai dengan lebih berkesan.	CABARAN <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan grapik video adalah sesuai dan difahami oleh orang ramai • Memberi maklumat yang amat padat bagi video yang sangat ringkas (minit) TINDAKAN SUSULAN <ul style="list-style-type: none"> • Menerima cadangan dari grafik media/branding consultant jabatan • Menggunakan grafik yang bersesuaian serta voice over recorder bagi penyampaian maklumat yang padat dan ringkas 	